



جامعة السلطان الشري夫 علي الإسلامية

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

## Fakulti Syariah dan Undang-undang Semester II, Sesi Akademik 2018/2019

### Kertas Soalan Peperiksaan

**Kod Kursus : SJ 4310**

**Nama Kursus : Kanun Jenayah Syariah**

**Tahap Kursus: Sarjana Muda dan Diploma Lepas Ijazah  
Masa : 3 jam**

### Rujukan yang dibenarkan:

Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013

### Nota:

1. Jawab **tiga (3)** soalan sahaja. Jawab **Soalan 1**, soalan wajib di **Bahagian A** dan **dua (2)** soalan lain di **Bahagian B**.
2. Sila gunakan nas-nas al-Qur'an dan Sunnah, peruntukan perundangan, dan kes-kes yang relevan, bagi menyokong jawapan awda, sejauh mana yang berkenaan.

بسم الله الرحمن الرحيم

## **BAHAGIAN A: SOALAN WAJIB**

### **Soalan 1 (30 markah)**

Pada 3hb April 2019, kira-kira jam 7.40 pagi, Sabtu, berumur 14 tahun 5 bulan, dan Ahad, berumur 35 tahun, telah membuat rancangan dan pakatan untuk mencuri. Kemudiannya mereka telah pergi ke sebuah bangunan sekolah menengah di Kuala Belait.

Sabtu dan Ahad telah masuk ke kawasan sekolah tersebut ketika semua guru-guru dan penuntut-penuntut di sekolah tersebut sedang menghadiri suatu perhimpunan khas di dalam Dewan Besar sekolah. Sabtu dan Ahad terus memasuki pintu pejabat pentadbiran am sekolah dan terus masuk ke pejabat guru besar bersebelahan. Sabtu mengambil sebuah telefon bimbit Samsung S9 milik guru besar yang baru seminggu dibeli, bernilai B\$798, dari atas meja guru besar. Kemudian, di pejabat am, Ahad pula telah mengambil sebuah komputer riba Acer model tahun 2014 yang bernilai B\$250. Sabtu dan Ahad terus dengan tergesa-gesa bergerak menghala ke pintu keluar bilik pejabat pentadbiran setelah menyedari kehadiran dua orang guru lelaki, Haji Ali dan Amin, yang sedang berjalan masuk di pintu pejabat am, dan dua orang kerani perempuan, Dayang Fatin dan Dayang Siti, yang sedang menyorok di bawah sebuah meja besar bila terlihat Sabtu dan Ahad memasuki bilik guru besar sebelumnya.

Kedua-dua Haji Ali dan Amin telah dapat menangkap Ahad yang cuba lari keluar menuju pintu pejabat am, manakala Sabtu berjaya melepaskan diri berlari keluar dari kawasan sekolah ketika Haji Ali dan Amin bergelut dengan Ahad untuk menangkapnya. Kesemua Haji Ali, Amin, Fatin dan Siti telah melihat dengan jelas Sabtu memegang sebuah komputer riba dan Ahad memegang sebuah telefon bimbit kepunyaan guru besar semasa Sabtu dan Ahad mula bergerak untuk mlarikan diri.

Laporan telah dibuat di Balai Polis Kuala Belait. Ekoran itu pihak polis telah datang menyiasat di tempat kejadian dan Ahad telah diserahkan oleh pihak sekolah kepada polis dan ditangkap secara rasmi. Pada keesokan harinya Sabtu telah dapat ditangkap dalam sebuah bas di suatu sekatan jalanraya dalam perjalanan dari Kuala Belait ke Miri. Harga emas 24 karat pada tarikh kejadian *sariqah* itu berlaku ialah B\$60 segram. Setelah siasatan disempurnakan oleh pihak polis bersama Unit Pengkuasaan Syariah, kes ini telah diserahkan kepada Jabatan Pendakwaan Syariah. Pada 17hb April 2019, Sabtu dan Ahad telah dihadapkan ke Mahkamah Tinggi Syariah, Bandar Seri Begawan, dan dipertuduhkan dengan tuduhan

melakukan *sariqah* di bawah bab 55(1) Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 yang boleh dihukum dengan hukuman *hadd* potong tangan di bawah bab 55(1)(a) Perintah yang sama. Kedua-dua Sabtu dan Ahad telah tidak mengaku salah dan mohon dibicarakan.

Berikan pendapat awda mengenai kes terhadap Sabtu dan Ahad di atas, sama ada kedua-dua mereka boleh disabitkan dan dihukum di bawah peruntukan yang dipertuduhkan. Huraikan pendapat tersebut berdasarkan fakta di atas, *Hukum Syara'*, peruntukan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, statut-statut berkenaan dan perundangan kes yang berkaitan, jika ada.

## **BAHAGIAN B: SOALAN-SOALAN PILIHAN**

**(Jawab dua (2) dari soalan-soalan berikut)**

### **Soalan 2 (15 markah)**

Pada 10hb April 2019, jam 8.00 malam, dua orang Pegawai Penguatkuasa Syariah (PPS) sedang berjalan menuju ke sebuah restoren di hadapan bangunan *The Mall*, Gadong, bersama seorang rakan mereka, Haji Salim, seorang pegawai di UNISSA. PPS tersebut terlihat dua orang perempuan, yang kemudiannya dikenali sebagai Munah (seorang Muslim) dan Mary (seorang Kristian) sedang berjalan terhuyung hayang dalam keadaan mabuk. Mary memegang sebuah botol kosong arak *brandy* berjenama *Hennessy*. Kedua-dua PPS dan Haji Salim menyatakan mereka mengesyaki mulut Munah dan Mary berbau arak semasa mereka bercakap menjawab beberapa soalan yang ditanyakan oleh PPS. Mereka kemudiannya telah dibawa oleh PPS tersebut ke pejabat Unit Penguatkuasa Syariah untuk diambil tindakan undang-undang di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.

Berdasarkan fakta di atas, huraikan cara-cara untuk membuktikan kesalahan jenayah “meminum arak atau sebarang minuman yang memabukkan” terhadap Munah dan Mary, sama ada mereka boleh dihukum dengan *hadd* atau *ta'zir* di bawah bab 104 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.

(15 markah)

### **Soalan 3 (15 markah)**

Pada 20hb April 2019, kira-kira jam 10.30 malam, berdasarkan maklumat yang diterima dari orang awam, 5 orang Pegawai Penguatkuasa Syariah (PPS), yang dibantu oleh 6 orang ahli Jemaah Masjid yang berhampiran telah pergi ke sebuah rumah yang agak terpencil di Jerudong. Seperti yang dimaklumkan, dua orang perempuan, yang kemudiannya dikenali sebagai Mei dan Jun, kedua-duanya wanita berugama Kristian, masing-masing berusia 24 dan 31 tahun, telah dilihat masuk ke rumah tersebut yang didiami oleh dua orang lelaki Islam, Mehboob, 26 tahun, dan Suleiman, 40 tahun dari Bangladesh. PPS dan ahli jemaah Masjid itu secara berhati-hati menghampiri rumah tersebut dan mendapati tingkap kedua-dua bilik tidur rumah tersebut tidak bertutup rapi. Dua PPS serta 3 ahli Jemaah pergi ke tingkap 1, manakala Tiga PPS serta 3 ahli Jemaah yang lain pergi ke tingkap 2. Kedua-dua bilik itu disinari lampu yang kurang terang, dengan bantuan lampu suluh (*torch light*) mereka dapat melihat pasangan Mehboob dan Jun di bilik 1 dan pasangan Suleiman dan Mei di bilik 2, sedang melakukan persetubuhan. Siasatan mendapati bahawa Suleiman mempunyai isteri di Chittagong, Bangladesh, dan Jun mempunyai suami di Cebu, Filipina.

Berdasarkan fakta-fakta di atas, dan berdasarkan hujah-hujah yang disokong oleh hujah-hujah Syara' dan perundangan, tuliskan pandangan dan pendapat awda mengenai pertuduhan *zina* terhadap Mehboob dan Jun, dan Suleiman dan Mei, sama ada mereka boleh disabitkan atas tuduhan tersebut di bawah bab 69(1) Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013; dan jika tidak boleh, apakah pertuduhan yang sepatutnya dikenakan ke atas mereka dan alasannya.

### **Soalan 4 (15 markah)**

Secara istilah dalam ilmu *fiqh*, perkataan *ta'zir* ini bermakna :

عَفْوَةٌ عَيْرُ مُقْدَرَةٌ شَرْعًا تَحْبَطُ حَقًّا لِلَّهِ أَوْ لِأَدْمَيٍ فِي كُلِّ مَغْصِيَةٍ لَيْسَ فِيهَا حَدٌّ وَلَا كَفَارَةٌ عَالِيَّاً

Maksudnya: "Hukuman yang tidak ditetapkan ketentuannya secara syar'ie, baik terkait hak Allah atau hak adami, umumnya berlaku pada setiap maksiat yang tidak ada hukum *hudud* atau *kaffarah*."

Dari definisi tersebut disimpulkan bahawa *Ta'zir* adalah salah satu bentuk hukuman atas sesuatu perbuatan maksiat yang terkait dengan dosa besar, dengan jenis, kadar dan aturan yang tertentu, di mana tidak ada ketentuan dari Allah *Subhanahu wa Taala* dan Rasul-Nya tentang bentuk dan jenis hukuman yang

berkaitan, sehingga semua diserahkan kepada pemerintah dan hakim untuk menangani masalah tersebut.

Berkaitan kenyataan di atas, dan dengan memberikan contoh kes-kes *ta'zir* yang telah dibicarakan di Mahkamah, huraikan pertimbangan dan prinsip-prinsip penghakiman yang harus diambilkira oleh para Hakim semasa menimbangkan dan menjatuhkan hukuman yang setimpal terhadap tertuduh atas kesalahan yang dipertuduhkan terhadapnya. Awda dikehendaki menyokong huraian awda dengan contoh-contoh kes yang berkenaan.

**Soalan 5 (15 markah)**

- (a) Huraikan bagaimana perbuatan menyebabkan kematian seseorang disifatkan sebagai “*qatlul-‘amd*”. (6 markah)
- (b) Dalam kes *qatlul ‘amd* yang boleh dihukum dengan hukuman *qisas*, *Hukum Syara'* dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013, membenarkan hukuman *qisas* digugurkan. Huraikan dengan ringkas—
- (i) bagaimana *qisas* itu boleh digugurkan; (3 markah)
  - (ii) apakah hak waris atau waris-waris jika *qisas* digugurkan; dan (3 markah)
  - (iii) sama ada Mahkamah boleh menjatuhkan hukuman *ta'zir* dan dalam keadaan bagaimana. (3 markah)